☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 26/4/2012
Hari: Khamis M/S: 3
Ruangan: Varsity

Kolej RISDA rai 192 penuntut pintar

Oleh Jaafar Neemat
bharian@cbm.my

ALOR GAJAH: Kolej RISDA Melaka baru-baru ini meraikan 192 pelajar institusi pendidikan berkenaan yang mencatat keputusan cemerlang dalam akademik untuk semester 2011-2012 pada Majlis Anugerah Ketua Eksekutif di kampus induknya di Ayer Pa'abas, dekat sini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kolej RISDA, Datin Dr Faridah Hanam Mohd Rashid, berkata anugerah itu diberikan kepada pelajar yang melepasi pencapaian Gred Purata Akademik (GPA) iaitu antara 3.65 hingga 4.0.

"Penganugerahan itu berasaskan moto kolej iaitu 'menjana kecemerlangan tanpa batasan, memperkasa pendidikan pertanian'. Kita berharap menerusi pengiktirafan ini, mereka akan terus mencatatkan keputusan cemerlang sekali gus mengharumkan nama kolej ini," katanya dalam majlis berkenaan.

Perasmian majlis itu disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah Kolej RISDA, Prof Dr Ghizan Saleh.

Berempena dengan majlis itu, turut diadakan penyampaian watikah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Kolej RISDA (MPP) kepada seramai 12 ahli jawatankuasa baru. Antaranya Yang Dipertua, Mohd Khairul Azam Harun; Timbalan YDP Izatulajuah Khairudin; Setiausaha, Kung Syh Zhu dan Bendahari, Sharifah Nur Shaqinah Ismail.

SEBAHAGIAN daripada pelajar cemerlang Kolej RISDA gembira sambil menunjukkan sijil.

PROF GHIZAN menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang bersempena dengan Majlis Anugerah Ketua Eksekutif Kolej RISDA disaksikan Dr Faridah Hanam.

Kolej RISDA Melaka ialah kampus berdaftar sebagai institut pengajian tinggi swasta di bawah Akta Institut Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang memfokus kepada bidang pertanian, teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan keusahawanan.

Kolej itu turut mengadakan jalinan bersekutu dengan institusi pengajian awam terbaik di Malaysia termasuk seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Terbaru, kolej berkenaan bakal mengadakan kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Pertanian Bogor, Indonesia.

Mengenai bidang ditawarkan di kolej berkenaan, Faridah berkata, setakat ini Kolej RISDA Melaka menawarkan 10 program akademik bagi peringkat diploma kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bidang berkenaan ialah Diploma Pertanian (DP), Diploma Pengurusan Ladang (DPIM), Diploma Pengursan Landskap (DPL), Diploma Pengurusan Perniagaan ((DPP), Diploma Sains Komputer, Diploma Perakaunan (DACC, Diploma Keusahawanan (DENT), Sijil Sains Pertanian (SSZP), Sijil Pengurusan Perniagaan (SPP) dan Sijil Sains Komputer (SSK).

Dr Faridah berkata, pihaknya juga kini dalam proses merancang untuk menaik taraf kolej berkenaan kepada status kolej universiti.

Katanya, sekiranya berjaya, kolej terbabit bakal menawarkan tujuh program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan Tani, Sains Gunaan, Ilmu Tanah, Agronomi & Hortikultur, selain Diploma Sains Penternakan dan Kesihatan Haiwan, Diploma Sains Pertanian dan Diploma Sains Perladangan.

"Program-program berkenaan ialah usaha sama dengan beberapa universiti tempatan termasuk dari Indonesia," katanya.

Sementara itu, antara pelajar terbaik yang menerima penghargaan ialah Nur Rahila Omar, 23, dari Pulau Pinang melahirkan rasa syukur atas kejayaan cemerlang diperolehnya dalam bidang Diploma Pengurusan Landskap.

"Insya-Allah saya akan terus menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi lagi kerana cabaran akan datang tentunya lebih hebat untuk pelajar seperti saya bersaing di alam pekerjaan," kata anak sulung dari tiga adik beradik.

Seorang lagi pelajar terbaik, Syazwan Bukhori, 23, dari Pahang berkata, segala penat lelah belajar tanpa rasa jemu dan bosan, berbaloi apabila berjaya mencatatkan GPA 4.0 dalam program Diploma Pengurusan Landskap.